

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Rabu, 9 Ogos 2023



## KENYATAAN MEDIA BAGI LAPORAN PERANGKAAN DEMOGRAFI MALAYSIA, SUKE TAHUN KEDUA 2023

### KELAHIRAN HIDUP MENINGKAT SEBANYAK 13.0 PERATUS DENGAN UMUR IBU 30-39 TAHUN MEREKODKAN KELAHIRAN HIDUP TERTINGGI

**PUTRAJAYA, 9 Ogos 2023** - Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengeluarkan laporan berkaitan Perangkaan Demografi bagi suku tahun kedua 2023. Laporan ini memaparkan data kelahiran hidup, kematian dan penduduk bagi suku tahun kedua 2023.

Mengulas berkaitan laporan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Jumlah kelahiran hidup merekodkan peningkatan sebanyak 13.0 peratus (105,961 kelahiran) berbanding suku tahun kedua 2022 (93,799 kelahiran). Bayi lelaki melebihi perempuan dengan 54,747 kelahiran berbanding 51,214 kelahiran bayi perempuan. Selangor kekal mencatatkan bilangan kelahiran hidup tertinggi iaitu 20,477 kelahiran (19.3%) manakala jumlah kelahiran hidup terendah dicatatkan oleh Wilayah Persekutuan Labuan (357 kelahiran: 0.3%). Umur ibu 30-39 tahun merekodkan kelahiran hidup tertinggi pada suku tahun kedua 2023 iaitu 53,679 (50.7%), diikuti oleh ibu berumur 20-29 tahun (42.3%), 40 tahun dan lebih (5.2%) dan kurang daripada 20 tahun (1.8%)".

Etnik Melayu menyumbang 68.4 peratus (72,500 kelahiran hidup) daripada jumlah kelahiran hidup pada suku tahun kedua 2023 (ST2 2022: 69.7%). Kelahiran hidup bagi Bumiputera lain dan Etnik Cina masing-masing meningkat kepada 12.9 peratus dan 9.1 peratus berbanding 12.6 peratus dan 8.9 peratus pada suku tahun kedua 2022.

Manakala, etnik India merekodkan penurunan kepada 3.8 peratus pada suku tahun kedua 2023 (ST2 2022: 3.9%).

Ketua Perangkawan mengulas lanjut, sebanyak 50,239 kematian telah direkodkan pada suku tahun kedua 2023, peningkatan sebanyak 0.7 peratus berbanding suku tahun kedua 2022 (49,893 kematian). Bilangan kematian bagi lelaki adalah 28,495 manakala 21,744 kematian bagi perempuan. Pada tempoh yang sama, Selangor mencatatkan bilangan kematian tertinggi iaitu 7,765 kematian (15.5%) manakala Wilayah Persekutuan Putrajaya mencatatkan bilangan kematian terendah dengan 73 kematian (0.1%). Dari segi umur, bilangan kematian berumur 60 tahun dan lebih merekodkan bilangan tertinggi iaitu 35,415 kematian (70.5%), diikuti oleh umur 41-59 tahun (19.6%), umur 15-40 tahun (7.6%) dan umur 0-14 tahun (2.3%).

Etnik Melayu menyumbang 52.9 peratus (26,610 kematian) daripada jumlah kematian pada suku tahun kedua 2023 (ST2 2022: 52.7%). Kematian bagi etnik Cina meningkat kepada 26.2 peratus pada suku tahun kedua 2023 berbanding 25.8 peratus pada suku tahun kedua 2022. Bagi Bumiputera Lain, jumlah kematian menurun kepada 10.2 peratus (ST2 2022: 10.8%) manakala etnik India kekal pada 8.1 peratus.

Selain itu, kematian disebabkan COVID-19 menurun 74.4 peratus pada suku tahun kedua 2023 iaitu daripada 660 kematian pada suku tahun kedua 2022 kepada 169 kematian. Kematian disebabkan COVID-19 menyumbang 0.3 peratus daripada keseluruhan jumlah kematian pada suku tahun kedua 2023. Johor merekodkan kematian COVID-19 tertinggi (37 kematian) manakala tiada kematian direkodkan di Kelantan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Sebagai tambahan, beliau juga menyatakan, "Penduduk Malaysia pada suku tahun kedua 2023 dianggarkan 33.4 juta, meningkat 2.1 peratus berbanding suku tahun kedua 2022 (32.7 juta). Penduduk lelaki meningkat daripada 17.0 juta kepada 17.5 juta berbanding suku tahun kedua 2022 manakala perempuan meningkat daripada 15.7 juta kepada 15.9 juta bagi tempoh yang sama. Secara keseluruhan, nisbah jantina penduduk adalah 110 lelaki bagi setiap 100 perempuan, manakala

nisbah jantina bagi penduduk Warganegara adalah 103 lelaki bagi setiap 100 perempuan”.


Mengulas lanjut, penduduk berumur 0-14 tahun (umur muda) menurun kepada 7.5 juta pada suku tahun kedua 2023 berbanding 7.6 juta pada suku tahun kedua 2022. Sementara itu, komposisi penduduk berumur 15-64 tahun (umur bekerja) meningkat daripada 22.8 juta kepada 23.4 juta berbanding suku tahun kedua 2022. Komposisi penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua) meningkat daripada 2.4 juta kepada 2.5 juta bagi tempoh yang sama.

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan binci ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Connecting the World with Data We Can Trust”.

Carta 1: Kelahiran Hidup dan Kematian (Bilangan dan Kadar) mengikut Suku Tahun, 2010-2023<sup>p</sup>, Malaysia








Jadual 1: Statistik Demografi bagi Suku Tahun Kedua, 2022 dan 2023, Malaysia

Tahun	Jumlah		Lelaki		Perempuan	
	ST2 2022	ST2 2023	ST2 2022	ST2 2023	ST2 2022	ST2 2023
Penduduk (juta)	32.7	33.4	17.0	17.5	15.7	15.9
Kelahiran hidup	93,799	105,961	48,491	54,747	45,308	51,214
Kematian	49,893	50,239	28,232	28,495	21,661	21,744

Carta 2: Statistik Demografi suku tahun kedua mengikut Kumpulan Etnik, 2022 dan 2023, Malaysia

#### Penduduk Warganegara





Jadual 2: Penduduk Warganegara mengikut kumpulan etnik, suku tahun kedua 2022 dan 2023, Malaysia

Kumpulan Etnik	ST2 2022 (%)	ST2 2023 (%)
<b>Bumiputera</b>	69.9	70.1
Melayu	57.7	57.9
Bumiputera Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan:	10.9	10.9
Kadazan/Dusun	2.3	2.3
Bajau	1.8	1.8
Murut	0.3	0.3
Iban	2.3	2.3
Bidayuh	0.7	0.7
Melanau	0.4	0.4
Bumiputera Lain	3.1	3.1
Bumiputera Lain Semenanjung	1.3	1.3
<b>Cina</b>	22.8	22.6
<b>India</b>	6.6	6.6
<b>Lain-lain</b>	0.7	0.7
<b>Jumlah Penduduk Warganegara</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>


Jadual 3: Kelahiran hidup mengikut kumpulan etnik, suku tahun kedua 2022 dan 2023, Malaysia

Kumpulan Etnik	ST2 2022 <sup>p</sup> (%)	ST2 2023 <sup>p</sup> (%)
<b>Bumiputera</b>	82.3	81.3
Melayu	69.7	68.4
Bumiputera Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan:	11.0	11.0
Kadazan/Dusun	2.5	2.5
Bajau	1.9	1.9
Murut	0.5	0.4
Iban	2.2	2.3
Bidayuh	0.6	0.7
Melanau	0.5	0.5
Bumiputera Lain	2.6	2.7
Bumiputera Lain Semenanjung	1.7	1.9
Cina	8.9	9.1
India	3.9	3.8
<b>Lain-lain termasuk Bukan Warganegara</b>	4.9	5.8
<b>Jumlah Kelahiran Hidup</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

Jadual 4: Kematian mengikut kumpulan etnik, suku tahun kedua 2022 dan 2023, Malaysia

Kumpulan Etnik	ST2 2022 <sup>p</sup> (%)	ST2 2023 <sup>p</sup> (%)
<b>Bumiputera</b>	63.5	63.1
Melayu	52.7	52.9
Bumiputera Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan:	9.8	9.3
Kadazan/Dusun	2.0	2.0
Bajau	1.3	1.3
Murut	0.3	0.3
Iban	3.0	2.6
Bidayuh	0.7	0.7
Melanau	0.6	0.5
Bumiputera Lain	1.9	1.9
Bumiputera Lain Semenanjung	1.0	0.9
Cina	25.8	26.2
India	8.1	8.1
<b>Lain-lain termasuk Bukan Warganegara</b>	2.6	2.6
<b>Jumlah Kematian</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

Carta 3: Transisi Demografi Malaysia, 1911-2021




Jadual 5: Kes positif dan kematian disebabkan COVID-19, Malaysia, 2020-2023

Tahun	Kes positif	Kematian
2023*	89,417	267
2022	2,268,591	5,310
2021	2,645,076	31,063
2020	113,010	516

\* Seperti pada suku tahun kedua 2023

Carta 4: Kes positif dan kematian disebabkan COVID-19, Malaysia, 2020-2023



Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
9 OGOS 2023**

*Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, August 9<sup>th</sup> 2023*



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT  
FOR THE REPORT OF DEMOGRAPHIC STATISTICS MALAYSIA,  
SECOND QUARTER 2023**

---

**LIVE BIRTHS INCREASED 13.0 PER CENT WITH MOTHERS AGED 30-39 YEARS  
RECORDED THE HIGHEST LIVE BIRTHS**

**PUTRAJAYA, 9 AUGUST 2023** - Department of Statistics, Malaysia has released the report on Demographic Statistics for the second quarter 2023. This report presents statistics of live births, deaths and population in the second quarter 2023.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The number of live births recorded an increase of 13.0 per cent (105,961 births) as compared to the second quarter of 2022 (93,799 births). Males babies outnumbered females with 54,747 births as compared to 51,214 births for females. Selangor recorded the highest live births with 20,477 births (19.3%) while Wilayah Persekutuan Labuan recorded the lowest (357 births: 0.3%). Mothers aged 30-39 years recorded the highest live births in the second quarter 2023 which was 53,679 (50.7%), followed by mothers aged 20-29 years (42.3%), 40 years and over (5.2%) and less than 20 years (1.8%)".

Malay accounted 68.4 per cent (72,500 live births) of the total live births in the second quarter of 2023 (Q2 2022: 69.7%). Live births for Other Bumiputera and Chinese increased to 12.9 per cent and 9.1 per cent respectively as compared to 12.6 per cent

*and 8.9 per cent in the second quarter of 2022. Meanwhile, Indians recorded a decline to 3.8 per cent in the second quarter of 2023 (Q2 2022: 3.9%).*

*The Chief Statistician further commented, a total of 50,239 deaths were recorded in the second quarter of 2023, increased by 0.7 per cent as compared to the second quarter of 2022 (49,893 deaths). The number of deaths recorded for males were 28,495 while 21,744 deaths for females. During the same period, Selangor recorded the highest number of deaths with 7,765 deaths (15.5%) while Wilayah Persekutuan Putrajaya recorded the lowest with 73 deaths (0.1%). In terms of age, the number of deaths for aged 60 and over recorded the highest number of deaths at 35,415 deaths (70.5%), followed by aged 41-59 years (19.6%), aged 15-40 years (7.6%) and aged 0-14 years (2.3%).*

*Malay accounted for 52.9 per cent (26,610 deaths) of the total number of deaths in the second quarter of 2023 (Q2 2022: 52.7%). Deaths for ethnic Chinese increased to 26.2 per cent in the second quarter of 2023 as compared to 25.8 per cent in the second quarter of 2022. For Other Bumiputera, total death decreased to 10.2 per cent (Q2 2022: 10.8%) while for Indians, it remained at 8.1 per cent.*

*Meanwhile, deaths due to COVID-19 decreased 74.4 per cent in the second quarter of 2023 from 660 deaths in the second quarter of 2022 to 169 deaths. Deaths due to COVID-19 contributed 0.3 per cent from the total number of deaths in the second quarter of 2023. Johor recorded the highest number of COVID-19 deaths (37 deaths) while no death was recorded in Kelantan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur and Wilayah Persekutuan Putrajaya.*

*In addition, he also commented that, "Malaysia's population in the second quarter 2023 was estimated at 33.4 million, increased by 2.1 per cent as compared to the second quarter of 2022 (32.7 million). Males population increased from 17.0 million to 17.5 million as compared to the second quarter of 2022 while females increased from 15.7 million to 15.9 million in the same period. The overall sex ratio of population was 110 males per 100 females while sex ratio for Citizens was 103 males per 100 females.*

*Commenting further, the population aged 0-14 years old (young age) decreased to 7.5 million in the second quarter of 2023 as compared to 7.6 million in the second quarter of 2022. Meanwhile, the composition of the population aged 15-64 years (working age) increased from 22.8 million to 23.4 million as compared to the second quarter of 2022. The composition of population aged 65 years and over (old age) increased from 2.4 million to 2.5 million during the same period.*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.*

*DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.*

Chart 1: Live births and deaths (number and rate) by quarterly, 2010-2023<sup>p</sup>, Malaysia





Table 1: Demographic statistics for second quarter, 2022 and 2023, Malaysia

Year	Total		Male		Female	
	Q2 2022	Q2 2023	Q2 2022	Q2 2023	Q2 2022	Q2 2023
Population (million)	32.7	33.4	17.0	17.5	15.7	15.9
Live births	93,799	105,961	48,491	54,747	45,308	51,214
Deaths	49,893	50,239	28,232	28,495	21,661	21,744

Chart 2: Demographic statistics second quarter by ethnic group, 2022 and 2023, Malaysia






Table 2: Citizens by ethnic group, second quarter 2022 and 2023, Malaysia

Ethnic Group	Q2 2022 (%)	Q2 2023 (%)
<b>Bumiputera</b>	69.9	70.1
Malay	57.7	57.9
Bumiputera Sabah, Sarawak and W.P. Labuan:	10.9	10.9
Kadazan/Dusun	2.3	2.3
Bajau	1.8	1.8
Murut	0.3	0.3
Iban	2.3	2.3
Bidayuh	0.7	0.7
Melanau	0.4	0.4
Other Bumiputera	3.1	3.1
Other Bumiputera Peninsular	1.3	1.3
<b>Chinese</b>	22.8	22.6
<b>Indians</b>	6.6	6.6
<b>Others</b>	0.7	0.7
<b>Total Citizens</b>	100.0	100.0

Table 3: Live births by ethnic group, second quarter 2022 and 2023, Malaysia

<b>Ethnic Group</b>	<b>Q2 2022<sup>p</sup> (%)</b>	<b>Q2 2023<sup>p</sup> (%)</b>
<b>Bumiputera</b>	82.3	81.3
<i>Malay</i>	69.7	68.4
<i>Bumiputera Sabah, Sarawak and W.P. Labuan:</i>	11.0	11.0
<i>Kadazan/Dusun</i>	2.5	2.5
<i>Bajau</i>	1.9	1.9
<i>Murut</i>	0.5	0.4
<i>Iban</i>	2.2	2.3
<i>Bidayuh</i>	0.6	0.7
<i>Melanau</i>	0.5	0.5
<i>Other Bumiputera</i>	2.6	2.7
<i>Other Bumiputera Peninsular</i>	1.7	1.9
<b>Chinese</b>	8.9	9.1
<b>Indians</b>	3.9	3.8
<b>Others include Non-citizens</b>	4.9	5.8
<b>Total Live Births</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

Table 4: Deaths by ethnic group, second quarter 2022 and 2023, Malaysia

<b>Ethnic Group</b>	<b>Q2 2022<sup>p</sup> (%)</b>	<b>Q2 2023<sup>p</sup> (%)</b>
<b>Bumiputera</b>	63.5	63.1
<i>Malay</i>	52.7	52.9
<i>Bumiputera Sabah, Sarawak and W.P. Labuan:</i>	9.8	9.3
<i>Kadazan/Dusun</i>	2.0	2.0
<i>Bajau</i>	1.3	1.3
<i>Murut</i>	0.3	0.3
<i>Iban</i>	3.0	2.6
<i>Bidayuh</i>	0.7	0.7
<i>Melanau</i>	0.6	0.5
<i>Other Bumiputera</i>	1.9	1.9
<i>Other Bumiputera Peninsular</i>	1.0	0.9
<b>Chinese</b>	25.8	26.2
<b>Indians</b>	8.1	8.1
<b>Others include Non-citizens</b>	2.6	2.6
<b>Total Deaths</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

Chart 3: Demographic transition, Malaysia, 1911-2021





Table 5: Positive cases and Deaths due to COVID-19, Malaysia, 2020-2023

Year	Positive cases	Deaths
2023*	89,417	267
2022	2,268,591	5,310
2021	2,645,076	31,063
2020	113,010	516

\* As at second quarter 2023

*Chart 4: Positive cases and Deaths due to COVID-19, Malaysia, 2020-2023*



Source: Ministry of Health Malaysia

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
9<sup>th</sup> AUGUST 2023**